

SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2) TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG) SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

| | |
|------------------------|-----------------------------|
| NO. SEBUT HARGA | MBSJ.KUB.400-5/6/377 |
| TARIKH BUKA | 30 OGOS 2023 |
| TARIKH TUTUP | 12 SEPTEMBER 2023 |
| MASA TUTUP | 12.00 TENGAH HARI |

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN**
www.mbsj.gov.my

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/377

PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2) TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG) SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

| SENARAI KANDUNGAN | | |
|-------------------|-------------------------------------|----------------|
| BAHAGIAN | BUTIRAN | MUKA SURAT |
| A | SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER | SS 1 – SS 4 |
| B | SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6 | SAP 1 – SAP 2 |
| C | ARAHAN KEPADA PETENDER | AKP 1 – AKP 12 |
| D | BORANG SEBUT HARGA | BS 1 |
| E | <i>PREAMBLES</i> | P 1 – P 2 |
| F | RINGKASAN SEBUT HARGA | RS 1 |
| G | SENARAI KUANTITI | SK 1 – SK 3 |
| G | JADUAL PERKHIDMATAN | JP1 |
| H | PENENTUAN PERKHIDMATAN | PP 1 – PP 6 |
| J | KADAR DENDA | KD 1 |
| K | PELAN LOKASI / GAMBAR | PL 1 |
| L | MAKLUMAT PETENDER | MP 1 – MP 12 |



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER.

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

| Bil | Perkara / Dokumen | Untuk Ditanda Oleh Syarikat | Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga |
|--|---|---|--|
| 8. | Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ ii) _____ _____ iii) _____ _____ | <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> |
| <p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar.</p> <p>Tandatangan : _____</p> <p>Nama: _____</p> <p>Jawatan : _____</p> <p>Tarikh : _____</p> | | <p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....</p> <p>Tandatangan : _____</p> <p>Nama: _____</p> <p>Jawatan : _____</p> <p>Tarikh : _____</p> | |

**Sila potong mana tidak berkenaan*



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA - LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2) TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG) SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

MBSJ.KUB.400-5/6/377

Saya,(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan yang mewakili (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperoleh atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

ARAHAN KEPADA PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

BORANG SEBUT HARGA

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2)
BAGI TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG)
SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA
SUBANG JAYA.

Kepada:
Datuk Bandar,
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat
dan senarai kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk
melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga
sebanyak :

(Ringgit Malaysia : (.....)
.....) RM.....) bagi tempoh ditetapkan

selama dua (2) tahun.

Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari
sekiranya sebut harga ini diterima, bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan
secara bertulis dan bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama
sembilan puluh (90) hari dari tarikh sebut harga ini ditutup.

Saya/Kami bersetuju menyerahkan bon pelaksanaan yang bernilai sebanyak 2.5 peratus dari nilai
kontrak untuk setahun sahaja. Walaubagaimanapun bon pelaksanaan hendaklah meliputi
keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah
ditetapkan.

Petender akan menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh
pihak MBSJ. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran di Perkara 20.0 dalam Arahan Kepada Petender.

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
Pekerjaan :
No. Kad Pengenalan :.....
Alamat :
.....
.....

Nama Penuh :
Pekerjaan :.....
No. Kad Pengenalan :.....
Alamat :
.....

Cap Rasmi :
No. Telefon :
Tarikh :

Cap Rasmi:
No. Telefon :.....
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

PREAMBLES

| Bil | <i>PREAMBLES</i> |
|-----|---|
| | <p>JUMLAH PENYEWAAN KREN TUNDA</p> <p>A Petender diwajibkan menyediakan bilangan kren tunda yang mencukupi iaitu 2 buah kren tunda di BP 4 (Kinrara) dan BP 5 (Puchong), (1 kren utama dan 1 kren gantian sekiranya berlaku kerosakan pada kren utama.)</p> <p>Kegagalan menyediakan jumlah kren tunda yang mencukupi denda akan dikenakan.</p> <p>Kuantiti yang dinyatakan bagi jumlah kenderaan yang ditunda adalah minima 110 buah, dan jumlah kenderaan sebenar adalah bergantung kepada keadaan semasa di tapak. Bayaran akan disahkan oleh pihak Majlis berdasarkan kuantiti sebenar pelaksanaan kerja tersebut.</p> <p>PENYELENGGARAAN</p> <p>B Petender hendaklah membaiki kerosakan yang kecil (minor) dengan serta-merta. Manakala bagi kerosakan yang besar (major) perlu dilaksanakan dalam tempoh 24 jam dan perlu menggantikan kren gantian bagi melaksanakan penundaan tanpa gagal.</p> <p>MEDIUM KOMUNIKASI</p> <p>C Pegawai atau wakil yang diberikan kuasa oleh pihak Majlis akan berhubung atau berkomunikasi dengan petender melalui surat rasmi, faks, panggilan telefon, email, pesanan sms, pesanan <i>Whatsapp</i> atau mana-mana peranti elektronik yang lain dan ia dianggap sebagai komunikasi secara rasmi dan perlu dipatuhi oleh petender.</p> <p>PEMBAYARAN</p> <p>D Petender perlu mengemukakan perkara-perkara berikut ketika proses tuntutan pembayaran interim :</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Inbois dan tax inbois b) Borang Akuan Siap Kerja c) Perakuan Perincian Dokumen Kontrak Perolehan d) Peta Lokasi e) Laporan siap kerja yang disertakan gambar kerja sebelum, semasa dan selepas kerja dilaksanakan dan mempunyai tarikh bagi setiap arahan kerja yang terlibat. <p>E Laporan tuntutan bayaran interim tersebut hendaklah dicetak di atas kertas A4 putih, dan gambar berwarna dan berjilid kemas dengan comb binding mengikut standard yang ditetapkan.</p> |



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

RINGKASAN SEBUT HARGA

RINGKASAN SEBUT HARGA

PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2) TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG) SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

MBSJ.KUB.400-5/6/377

| BIL | HURAIAN | JUMLAH (RM) |
|--|---|--------------------|
| 1.0 | PENYEDIAAN PERALATAN / KELENGKAPAN PEKERJA | |
| 2.0 | PENYEDIAAN LAPORAN BULANAN | |
| 3.0 | PERKHIDMATAN MENUNDA KENDERAAN KE DEPOH TUNDA BANDAR PUTERI | |
| JUMLAH KESELURUHAN DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM) | | |

RINGGIT MALAYSIA :

.....

TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : DUA (2) TAHUN

.....
Tandatangan Petender

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. Kad

Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

Nama Penuh :

No. Kad

Pengenalan :

Alamat :

.....

.....

Cap Rasmi :

No. Telefon :

Tarikh :

No. Telefon :

Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

SENARAI KUANTITI

PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2) TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG) SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

MBSJ.KUB.400-5/6/377

| BIL | HURAIAN | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|--|---|--------|----------|------------------|-------------|
| 1.0 | <p>KERJA AWALAN</p> <p>PENYEDIAAN PERALATAN/ KELENGKAPAN PEKERJA</p> <p>A Petender hendaklah menyediakan segala peralatan / kelengkapan yang mencukupi bagi pemandu dan pembantu / kelindan selama dua tahun seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Vest keselamatan pemantul cahaya dan perkataan KONTRAKTOR TUNDA MBSJ di bahagian belakang (wajib). • Pakaian T-shirt perlu diseragamkan dan berwarna biru gelap atau hitam. • Pekerja dan pemandu perlu memakai kasut keselamatan bertutup (<i>safety boot</i>) sepanjang melaksanakan kerja-kerja tundaan. • Sarung tangan <i>heavy duty</i> semasa kerja-kerja penundaan • Peti ubat kecemasan dan alat pemadam api (khas untuk kenderaan) | Borong | - | - | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) | | | | | |

Dokumen Meja Terkawal

| BIL | HURAIAN | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|--|--|------|----------|------------------|-------------|
| 2.0 | PENYEDIAAN LAPORAN BULANAN | | | | |
| A | Menyediakan Laporan Bulanan selama 2 tahun bagi menunjukkan perkhidmatan ini telah dilaksanakan, dengan mengemukakan laporan yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan dengan anggaran sekurang-kurangnya. | NOS | 24 | | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) | | | | | |

Dokumen Meja Terkawal

| BIL | HURAIAN | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM) |
|--|--|------|----------|------------------|-------------|
| 3.0 | KERJA-KERJA MENUNDA KENDERAAN KE DEPOH TUNDA BANDAR PUTERI | | | | |
| A | <p>Kerja-kerja menunda kenderaan menggunakan kren tunda ke depoh tundaan MBSJ di Bandar Puteri, Puchong seperti yang di arahkan.</p> <p>(Kuantiti yang dinyatakan adalah anggaran sahaja. Kuantiti sebenar adalah berdasarkan kepada arahan pihak Majlis dari masa ke semasa. Kuantiti minimum adalah sebanyak 110 tundaan untuk tempoh sebulan).</p> | NOS | 2640 | | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM) | | | | | |

JADUAL PERKHIDMATAN

| BIL | LOKASI | MASA | HARI | KREN | PETUGAS | KEUPAYAAN UNTUK MEMENUHI PERKHIDMATAN |
|-----|------------------------------|---------------------------------------|---------------------------|---|--|---|
| A. | Depoh Tunda Bandar Puteri | 9.00 pagi hingga 4.30 petang | Isnin hingga Jumaat | 1 kren utama (wajib) | 1 orang pemandu dan 1 orang kelindan (wajib) | () SETUJU |
| | | | | dan | | () TIDAK SETUJU |
| | | | | 1 kren gantian sekiranya berlaku kerusakan. <i>(on call)</i> | 1 orang pemandu gantian dan 1 orang kelindan gantian sekiranya berlaku ketiadaan pekerja. <i>(on call)</i> | () SETUJU |
| | | | | | | () TIDAK SETUJU |

.....
Tandatangan Petender

Nama Penuh :
No. Kad
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

Cap Rasmi :
No. Telefon :
Tarikh :

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :
No. Kad
Pengenalan :
Alamat :
.....
.....

No. Telefon :
Tarikh :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PENENTUAN PERKHIDMATAN

PERKHIDMATAN PENYEWAAN KREN TUNDA SELAMA DUA (2) TAHUN DI KAWASAN BP 4 (KINRARA) DAN BP 5 (PUCHONG) SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

1.0 SKOP PERKHIDMATAN

1.1 MENYEDIAKAN KEMUDAHAN DAN TENAGA PEKERJA MAHIR UNTUK MENGOPERASIKAN PERKHIDMATAN TUNDA

- 1.1.1 Syarikat / Petender perlu menyediakan segala peralatan, perkakasan dan kenderaan towing truck untuk menjalankan operasi tunda apabila diarahkan oleh Datuk Bandar MBSJ atau wakilnya.
- 1.1.2 Syarikat / Petender perlu menyediakan segala peralatan, perkakasan dan kenderaan towing truck dengan maklumat lengkap berkenaan seperti bilangan, model, keupayaan dan lain '*functionality features*'.
- 1.1.3 Syarikat / Petender perlu mengemukakan sijil pengesahan kelulusan rekabentuk mesin angkat dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) (*re-conformation* - (pengesahan) untuk *mobile crane, boring rig, crawler crane, piling machine, mobile elevating work platform (skylift), truck mounted crane* bagi kren yang disediakan sebelum melaksanakan kerja-kerja penundaan.
- 1.1.4 Syarikat / Petender perlu menyediakan segala peralatan, perkakasan dan kenderaan towing truck yang digunakan seperti cukai jalan dan insuran adalah didaftarkan dengan pihak berkuasa berkenaan dan disahkan dengan sijil-sijil berkenaan dan boleh beroperasi.
- 1.1.5 Syarikat / Petender perlu menyediakan kren gantian sekiranya kren sedia ada rosak bagi meneruskan perkhidmatan tundaan tanpa gagal.
- 1.1.6 Syarikat / Petender adalah bertanggungjawab ke atas segala kos perbelanjaan dalam pengurusan dan penyelenggaraan ke atas segala peralatan, perkakasan dan kenderaan *towing truck*.
- 1.1.7 Syarikat / Petender wajib menyediakan surat/ sijil pemeriksaan PUSPAKOM.

2.0 PERKARA AM

2.1 CUKAI PERKHIDMATAN

2.1.1 Kadar bayaran perkhidmatan yang dinyatakan dalam perenggan 1.1.4 adalah termasuk cukai perkhidmatan dan adalah menjadi tanggungjawab syarikat / petender untuk menjelaskan pembayaran cukai perkhidmatan ini kepada pihak berkuasa yang berkaitan pada kadar yang ditetapkan oleh kerajaan dan tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peraturan yang ditetapkan mengenainya.

2.2 RISIKO TANGGUNGAN AWAM DAN LAIN-LAIN

2.2.1 Syarikat / Petender adalah bertanggungjawab ke atas semua tuntutan tanggungan awam yang timbul semasa menjalankan operasi mengalihkan dan penundaan kenderaan terlibat ke sesuatu destinasi serta dalam tempoh penyimpanannya sehingga dituntut oleh pemilik kenderaan berkenaan.

2.3 PERBELANJAAN

2.3.1 Semua perbelanjaan dalam pelaksanaan segala bidang tugas dan tanggungjawab dalam kontrak ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat / petender.

2.4 PERJANJIAN

2.4.1 Syarikat / Petender yang Berjaya akan dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Datuk Bandar MBSJ. Satu salinan contoh perjanjian kontrak ini adalah seperti di Lampiran C. Contoh perjanjian ini akan dimuktamadkan dan tertakluk kepada sebarang perubahan akhir oleh Datuk Bandar MBSJ.

3.0 TAWARAN KERJA

- 3.1 Syarikat / Petender perlu mengadakan lawatan ke cadangan tapak bagi kawasan-kawasan tundaan, tempat penyimpanan kenderaan ditunda seperti yang dinyatakan, serta mendapatkan maklumat mengenai perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan tawaran ini sebelum mengemukakan tawaran.

Sekiranya syarikat / petender mendapati sesuatu tapak yang dicadangkan itu bermasalah dan tidak sesuai untuk diubahsuai, syarikat / petender tidak perlu mengisi cadangan bayaran sewa tetapi perlu mengisikan perkataan 'Tidak Sesuai'.

- 3.2 Tawaran kontrak ini adalah dicadangkan bagi tempoh masa selama dua (2) tahun bermula dari tarikh tawaran ini diterima dan lanjutan tempoh kontrak selanjutnya tertakluk kepada keputusan Majlis Bandaraya Subang Jaya. Walaubagaimanapun, tempoh masa tersebut adalah tertakluk kepada keputusan terakhir Majlis.

- 3.3 Syarikat / Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan tawaran bagi membekal dan menguruskan perkhidmatan tundaan MBSJ ini dengan mengisikan butir-butir terperinci seperti di dalam Borang Tawaran yang dilampirkan.

- 3.4 Borang tawaran yang dikemukakan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut :

a) Salinan Latar belakang syarikat, Sijil Pendaftaran Syarikat dan '*Memorandum And Articles of Association*' yang telah disahkan.

b) Katalog penerangan berserta contoh gambar bagi segala '*towing truck*' atau peralatan yang digunakan dalam kontrak ini.

c) Jumlah bilangan '*towing truck*' perlu dikemukakan dengan nombor pendaftaran dan salinan geran pendaftaran.

d) Jumlah bilangan pengawasan dan pekerja bagi melaksanakan kerja-kerja tawaran ini.

- 3.5 Kegagalan mengemukakan perkara atau maklumat di atas akan menyebabkan tawaran petender tidak dipertimbangkan.

4.0 PENGUATKUASAAN

- 4.1 Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya akan bertanggungjawab untuk menyediakan Pegawai Penguatkuasaan semasa operasi pengalihan dan menunda kenderaan terlibat ke destinasi yang ditetapkan.
- 4.2 Pihak Majlis berhak mengeluarkan Notis Amaran ke atas kegagalan pihak syarikat melaksanakan tindakan tundaan dalam tempoh perkhidmatan.

| SPESIFIKASI KENDERAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT : | KEUPAYAAN UNTUK MEMENUHI PERKHIDMATAN |
|---|--|
| <p>A. Syarikat / Petender perlu menyediakan kren tunda 3 tan (rujuk jadual perkhidmatan penundaan).</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>B. Syarikat / Petender perlu mengemukakan sijil pengesahan kelulusan rekabentuk mesin angkat dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) (re-conformation - (pengesahan) untuk <i>mobile crane, boring rig, crawler crane, piling machine, mobile elevating work platform (skylift), truck mounted crane</i> bagi kren yang disediakan sebelum melaksanakan kerja-kerja penundaan.</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>C. Syarikat / Petender perlu menyediakan kren yang berusia tidak melebihi 15 tahun dari tarikh tender dibuka (perlu kemukakan bukti geran kenderaan)</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>D. Syarikat / Petender perlu menyediakan kren berwarna gelap tulisan berserta nama syarikat yang dilantik perlu tertera di sisi pintu kren.</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>E. Syarikat / Petender perlu menyediakan kren yang tertera LOGO MBSJ dan tulisan KONTRAKTOR MBSJ.</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>F. Syarikat / Petender perlu membekal dan menyediakan keperluan hydraulic extension boom pada kren.</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>G. Syarikat / Petender perlu membekal dan menyediakan keperluan 50,000 lbs line pull winch pada kren (8 – 10 tan).</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>H. Syarikat / Petender perlu membekal dan menyediakan keperluan 1 set tool box pada kren bagi kerja-kerja penyelenggaraan ‘minor’ sekiranya berlaku apa-apa kecemasan.</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |
| <p>I. Syarikat / Petender perlu membekal dan menyediakan keperluan 2 unit beacon light berwarna kuning pada kren bagi tujuan keselamatan ketika melaksanakan tundaan.</p> | <input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU |

| SPESIFIKASI KENDERAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT : | KEUPAYAAN UNTUK MEMENUHI PERKHIDMATAN |
|--|--|
| <p>J. Syarikat / Petender perlu menyediakan kren gantian sekiranya kren sedia ada rosak bagi meneruskan perkhidmatan tundaan tanpa gagal.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU</p> |
| <p>K. Syarikat / Petender perlu memastikan insurans dan cukai jalan sentiasa sah dalam menjalankan tugas-tugas penundaan.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU</p> |
| <p>L. Syarikat / Petender perlu memastikan pemandu dan kelindan kren mempunyai lesen memandu yang sah.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU</p> |
| <p>M. Syarikat / Petender perlu pemandu dan kelindan gantian sekiranya ketiadaan pekerja.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU</p> |
| <p>N. Syarikat / Petender perlu memastikan pemandu dan kelindan kren adalah warganegara Malaysia.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/> SETUJU <input type="checkbox"/> TIDAK SETUJU</p> |



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

KADAR DENDA

| BIL. | MASALAH | DENDA |
|------|--|---|
| 01. | Pemandu / Kelindan tidak hadir tugas atau tidak mencukupi. | $\frac{\text{Kadar denda sehari} = \text{Bilangan Tundaan Sebulan} \times \text{Kadar Harga Seunit Kenderaan}}{\text{Bilangan Hari Bekerja (22 hari)}}$ |
| 02. | Kren tunda rosak dan tiada kren tunda gantian | $\frac{\text{Kadar denda sehari} = \text{Bilangan Tundaan Sebulan} \times \text{Kadar Harga Seunit Kenderaan}}{\text{Bilangan Hari Bekerja (22 hari)}}$ |
| 03. | Kren tunda terlibat kemalangan dan menyebabkan kenderaan awam yang ditunda rosak disebabkan kecuaiian pemandu. | <p><u>MBSJ akan melaksanakan pemotongan pada kadar 30 % dari jumlah tuntutan insuran</u></p> <p>Kenderaan kren tunda ada 2 jenis insurans iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Insuran kenderaan 2. Insuran Public Liabiliti |
| 04. | Pemandu tidak mempunyai lesen / tamat tempoh / cukai jalan tamat tempoh. | $\frac{\text{Kadar denda sehari} = \text{Bilangan Tundaan Sebulan} \times \text{Kadar Harga Seunit Kenderaan}}{\text{Bilangan Hari Bekerja (22 hari)}}$ |

1.0 KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT ARAHAN

Nota : Kadar denda yang dikenakan di atas **DIKECUALIKAN** bagi kes seperti berikut :

- A) Faktor cuaca atau perubahan iklim yang menyebabkan bilangan tundaan tidak mencukupi.
(disahkan oleh laporan petugas penguatkuasa yang ditugaskan di lapangan dan pegawai)
- B) Faktor kekurangan atau ketiadaan bilangan kenderaan yang melakukan kesalahan lalulintas menyebabkan bilangan tundaan tidak mencukupi (disahkan oleh laporan petugas penguatkuasa yang ditugaskan di lapangan dan pegawai)
- C) Mana-mana arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Pengurusan Tinggi MBSJ untuk menghentikan operasi ketika fasa Kawalan Perintah Pergerakan (PKP sekiranya dilaksanakan) bagi kawalan mencegah penyakit berjangkit maka pihak syarikat perlu menggantikan jumlah tundaan yang tertunggak pada hari yang seterusnya sehingga mencukupi minima 110 buah kenderaan.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

PELAN LOKASI / GAMBAR

PELAN DEPOH TUNDA BANDAR PUTERI



PL1



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

MAKLUMAT PETENDER